



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kamudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 20 halaman



MAKTAB RENDAH SAINS MARA
PEPERIKSAAN PERCUBAAN MARA
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

3
7
5
6
1

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 20 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

- 1 Antara berikut yang manakah tujuan penubuhan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB)?
- A Menentukan kod etika profesion perakaunan
 - B Mengendalikan peperiksaan untuk profesion perakaunan
 - C Mengeluarkan pernyataan prinsip bagi laporan kewangan
 - D Menyediakan laporan kewangan untuk sesebuah perniagaan
- 2 Maklumat berikut merujuk kepada Perniagaan Erzita.

Perniagaan Erzita tidak melaporkan keuntungan di dalam penyata kewangan berdasarkan jangkaan keuntungan RM500 000 yang bakal diperolehi pada bulan hadapan.

Apakah prinsip yang dipatuhi oleh Perniagaan Erzita?

- A Konservatisme
 - B Tempoh Perakaunan
 - C Asas Perakaunan Akruan
 - D Pelaporan Berasaskan Nilai Saksama
- 3 Antara berikut, yang manakah ciri-ciri kualitatif penyata kewangan?
- I Relatif
 - II Fleksibel
 - III Kebolehfahaman
 - IV Kebolehpercayaan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

4 Apakah sumber yang menjadi asas dalam perakaunan Islam?

- A Hadis
- B Al-Quran
- C Halal dan haram
- D Al-Quran dan Sunnah

5 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan D'xora.

Membuat bayaran kepada pembekal dan menerima diskaun.

Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas aset, liabiliti dan ekuiti pemilik?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
B	Berkurang	Berkurang	Bertambah
C	Bertambah	Berkurang	Tiada kesan
D	Berkurang	Bertambah	Berkurang

6 Perniagaan Puteri menggunakan sistem kod yang berikut untuk membina carta akaun dalam perakaunan berkomputer.

Kod	Jenis Akaun
3000-3999	Akaun Hasil
4000-4999	Akaun Aset
5000-5999	Akaun Liabiliti
6000-6999	Akaun Belanja

Nombor kod yang betul bagi Akaun Kadar bayaran ialah

- A 3000-3999
- B 4000-4999
- C 5000-5999
- D 6000-6999

7 Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaan Minson Sendirian Berhad.

INVOIS				
ASAL	PLANET MUSIC 2, Jalan Mawar, 75450 Melaka Tel: 06-2327221			No: 0118
Kepada Minson Sendirian Berhad 57 Jalan Saudagar Tampin				Tarikh: 4 Ogos 2011
Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	DVD Tour Concert Yuna	20 Unit	30	600.00
2	CD Justin Bieber	10 Unit	50	500.00
3	Rak CD	100 Unit	4	400.00
				1500.00
	Tolak : Diskaun niaga		10%	150.00
	JUMLAH			1350.00
Ringgit: Satu ribu tiga ratus lima puluh sahaja				
Syarat: 5% 7 hari, 2% 14 hari				
..... <i>Wilson</i> Tandatangan Pengurus				

Jika bayaran dibuat pada 14 Ogos 2011, berapakah jumlah yang perlu dijelaskan?

- A** RM1 350
- B** RM1 323
- C** RM1 296
- D** RM1 200

8 Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaan MIA SARA Enterprise.

MIA SARA ENTERPRISE		No 3332
No 220 Jalan Serasa		
43200 Cheras, Selangor		
Tel: 03-8071 5360		
BAUCAR PEMBAYARAN		
Kepada : Hetty Hudoyono		Tarikh: 30 April 2011
Bil	Butir	Jumlah (RM)
1	Tuntutan membeli cenderamata untuk pelawat dari Indonesia	50.00
Jumlah		50.00
Ringgit Malaysia: Lima puluh sahaja		
Tunai/No. Cek: _____		
Hetty		Mia sara
.....		
Tandatangan Penerima		Diluluskan oleh

Apakah buku catatan pertama yang sesuai untuk merekodkan urusan niaga berikut?

- A Jurnal Am
- B Buku Tunai
- C Jurnal Belian
- D Jurnal Jualan

9 Akaun Kontra bagi Akaun Belian ialah

- I Diskaun Diberi
- II Pulangan Belian
- III Pulangan Jualan
- IV Diskaun Diterima
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

10 Dokumen berikut diterima oleh Cik Habsah seorang kerani akaun.

MEMO KEDAI PERMATA BIRU No 342, Jalan Masjid Tikam Batu, 08600 Sungai Petani, Kedah Tarikh : 1 Mac 2011 Peringatan : Pemilik telah mengambil barang niaga yang bernilai RM150 untuk dijadikan sampel pengiklanan. <i>Hamdan</i> Pengurus
--

Apakah catatan dalam Jurnal Am?

	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
A	Iklan Belian	150	150
B	Belian Ambilan	150	150
C	Ambilan Belian	150	150
D	Belian Iklan	150	150

11 Antara urus niaga berikut, yang manakah dicatatkan dalam Jurnal Belian?

- A Membeli insurans kediaman dengan wang perniagaan
- B Membeli van terpakai secara kredit daripada Razak Motor
- C Membeli barang niaga secara tunai daripada Kedai Adinda
- D Membeli barang niaga secara kredit daripada Chong Wei Store

12 Antara berikut, yang manakah dikategorikan sebagai akaun perorangan?

A	Akaun Bank	Akaun Ambilan	Akaun Pemiutang
B	Akaun Ambilan	Akaun Belian	Akaun Modal
C	Akaun Pemiutang	Akaun Modal	Akaun Insurans
D	Akaun Modal	Akaun Pemiutang	Akaun Ambilan

13 Maklumat di bawah menunjukkan Akaun Kawalan Pemiutang.

Akaun Kawalan Pemiutang

2010	RM	2010	RM
Dis 31 Bank	26 000	Jan 1 Baki b/b	4 000
Diskaun diterima	1 400	Dis 31 X	28 000
Baki h/b	5 060	Angkutan	300
		Baki h/b	160

Apakah X?

- A Kontra
- B Belian
- C Belian kredit
- D Pulangan belian

- 14 Pada 1 Januari 2011, sebuah komputer telah dibeli dengan harga RM2 500 daripada Syarikat Maju Setia secara kredit. Berdasarkan pernyataan di atas, yang manakah catatan yang betul dalam Akaun Alatan pejabat.

A

Akaun Alatan pejabat			
2011	RM	2011	RM
Jan 1 Syarikat Maju Setia	2 500		

B

Akaun Alatan pejabat			
2011	RM	2011	RM
Jan 1 Belian	2 500		

C

Akaun Alatan pejabat			
2011	RM	2011	RM
		Jan 1 Syarikat Maju Setia	2 500

D

Akaun Alatan pejabat			
2011	RM	2011	RM
		Jan 1 Belian	2 500

- 15 Cek yang diterima daripada Rosli bernilai RM2 600 untuk menjelaskan sepenuhnya hutang sebanyak RM2 650 tidak dilayan oleh pihak bank. Diskaun diberi dibatalkan. Apakah catatan dalam lejar yang betul untuk merekodkan urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Akaun Rosli RM2 600	Akaun Bank RM2 600
B	Akaun Rosli RM2 600	Akaun Bank RM2 550 Akaun Diskaun Diberi RM50
C	Akaun Rosli RM2 650	Akaun Bank RM2 600 Akaun Diskaun Diberi RM50
D	Akaun Bank RM2600	Akaun Rosli RM2 600

- 16 Apakah jenis kesilapan yang berlaku di bawah.

Angkutan masuk sebanyak RM360 telah direkodkan sebagai RM300.
Manakala belanja am sebanyak RM215 telah direkod sebagai RM275.

- A Kesilapan Terbalik
- B Kesilapan Komisen
- C Kesilapan Saling Mengimbangi
- D Kesilapan dalam Imbangan Duga

17 Berikut adalah petikan daripada Imbangan Duga Perniagaan Haris pada 30 April 2011.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal		31 500
Overdraf bank		6 000
Penghutang	14 500	
Pemiutang		10 050
Premis	25 000	
Belian	20 400	
Jualan		21 350
X	9 000	
	68 900	68 900

Butiran **X** adalah

- A** Diskaun diterima
- B** Pulangan keluar
- C** Pinjaman
- D** Gaji

18 Dalam kaedah analisis, Akaun Kawalan Penghutang digunakan untuk mencari

- A** Jualan tunai
- B** Jualan kredit
- C** Diskaun diterima
- D** Penerimaan daripada pelanggan

19 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Aween pada 31 Mac 2011.

Butir	Debit RM	Kredit RM
Penghutang	8 900	
Hutang lapuk	300	
Peruntukan hutang ragu		350

Maklumat tambahan :

Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas penghutang.

Hitungkan jumlah peruntukan hutang ragu yang dicatatkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2011.

- A Pertambahan RM80
- B Pengurangan RM80
- C Pertambahan RM95
- D Pengurangan RM95

20 Berikut adalah Akaun Susut Nilai Berkumpul Kenderaan bagi sebuah perniagaan.

Akaun Susut Nilai Berkumpul Kenderaan			
2010	RM	2010	RM
		Jan 1 Baki b/b	1 800
		Dis 31 Susut nilai kenderaan	3 240

Berapakah jumlah susut nilai terkumpul pada 31 Disember 2010?

- A RM1 440
- B RM1 800
- C RM3 240
- D RM5 040

- 21 Berikut adalah kedudukan kewangan Hafizi Enterprise bagi tahun berakhir 30 Jun 2011.

	RM
Stok alat tulis	300
Sewa diterima terakru	250
Kenderaan	17 000
Premis	40 000
Pemiutang	600
Komisen diterima terdahulu	350

Berapakah nilai aset?

- A RM57 650
 - B RM57 550
 - C RM57 350
 - D RM57 250
- 22 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Syaza pada 30 Jun 2011.

	RM
Angkutan keluar	260
Belian	35 170
Pulangan belian	540
Diskaun diberi	100
Diskaun diterima	200

Hitung kos belian.

- A RM34 430
- B RM34 530
- C RM34 690
- D RM34 790

23 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Mariamah pada 30 Jun 2011.

	RM
Tunai	500
Bank	1 200
Alatan Pejabat	600
Pemiutang	800
Sewa dibayar terdahulu	200
Penghutang	500
Komisen diterima terdahulu	700

Hitung jumlah modal kerja.

- A RM900
 - B RM1 000
 - C RM1 400
 - D RM2 000
- 24 Apakah yang menyebabkan baki buku tunai berbeza dengan baki penyata bank?
- A Penghutang membayar tunai ke akaun bank peniaga
 - B Peniaga mendebitkan dividen yang diterima di ruangan bank
 - C Penerimaan cek daripada pelanggan telah dikreditkan oleh pihak bank
 - D Pembayaran menggunakan cek kepada pemiutang telah didebitkan oleh bank
- 25 Encik Firdaus menerima gaji RM5 500 sebulan. Kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bahagian pekerja ialah 11% dan bahagian majikan ialah 12%. Hitungkan jumlah caruman KWSP Encik Firdaus.
- A RM1 265
 - B RM1 256
 - C RM660
 - D RM605

26 Maklumat berikut diambil daripada belanjawan tunai Maju Holding bagi bulan Mei 2011.

	RM
Baki awal	14 000
<u>Penerimaan</u>	
Jualan	5 800
Penghutang	24 200
<u>Pembayaran</u>	
Pemiutang	3 500
Gaji	1 000
Sewa kedai	4 000
Belian	6 500
Baki akhir	X

Hitung nilai X.

- A RM15 000
- B RM25 000
- C RM29 000
- D RM44 000

27 Urus niaga manakah direkodkan dalam Akaun Realisasi ?

- A Memberi diskaun kepada penghutang
- B Menjelaskan belanja pembubaran
- C Membayar faedah atas pinjaman
- D Pembayaran kepada pemiutang

- 28 Aminah dan Rosni ialah pekongsi dalam firma perunding yang membahagikan Untung atau rugi mengikut nisbah 3:4.

Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2011

	RM
Untung bersih	36 700
Tolak: Faedah atas modal	
Aminah	3 100
Rosni	7 500
Gaji Pekongsi : Rosni	900
	25 200
Kongsi Untung :	
Aminah	X
Rosni	Y
	25 200

Berapakah kongsi untung yang diterima oleh Rosni?

- A RM10 800
- B RM12 600
- C RM14 400
- D RM25 200

29 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Jaya Berhad.

Modal berdaftar :

2 000 000 unit 8% saham keutamaan RM1.00 setiap satu

5 000 000 unit saham biasa RM0.50 setiap satu

Syarikat Jaya Berhad telah menerbitkan semua saham keutamaan dan 4 000 000 unit saham biasa pada nilai tara. Kesemua saham telah dilanggan dan dibayar penuh. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2010, syarikat telah memperoleh untung bersih sebanyak RM500 000. Lembaga pengarah mengisytiharkan dividen atas saham biasa pada kadar 5 sen sesaham.

Berapakah jumlah dividen akhir?

- A RM100 000
- B RM160 000
- C RM200 000
- D RM260 000

30 Item-item yang perlu dipersembahkan dalam bahagian Ekuiti Pemilik dan Kunci Kira-kira syarikat berhad ialah

- I Modal awal
- II Modal dibenarkan
- III Modal diterbitkan
- IV Modal belum diterbitkan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Sumber-sumber hasil kelab dan persatuan terdiri daripada

- I Surat khabar dan majalah
- II Hadiah pesta ria
- III Jualan minuman
- IV Yuran ahli
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

32 Antara berikut yang manakah perbelanjaan modal bagi kelab dan persatuan?

- A Kadar bayaran
- B Piala dan saguhati
- C Belian alatan sukan
- D Elaun kehormat pengerusi

33 Maklumat berikut diperolehi daripada Akaun Penerimaan dan Pembayaran sebuah kelab renang bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

	RM
Yuran 2009	170
Yuran 2010	2 880
Yuran 2011	200

Maklumat tambahan :

- (i) Yuran tertunggak pada 1 Januari 2010 ialah RM190.
- (ii) Yuran tertunggak pada 31 Disember 2010 ialah RM230.

Hitung yuran yang akan dipindahkan ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

- A RM2 390
- B RM2 920
- C RM3 090
- D RM3 120

34 Situasi rekod tak lengkap yang manakah boleh berlaku dalam sesebuah perniagaan?

- A** Tiada kawalan tunai dalam perniagaan.
- B** Buku-buku akaun telah tercicir atau musnah.
- C** Jumlah imbalan duga tidak dihitung dengan tepat.
- D** Peniaga tidak merancang perbelanjaan dengan baik.

35 Encik Steven Doraisamy memulakan perniagaan kedai dobi dengan modal RM18 000 pada 1 Januari 2010. Beliau tidak mengamalkan sistem catatan bergu. Modal pada 31 Disember 2010 ialah RM29 200. Peniaga membawa masuk perabot ke dalam perniagaan bernilai RM400.

Hitungkan untung atau rugi bersih bagi tahun 2010.

- A** Rugi bersih RM10 800
- B** Rugi bersih RM11 600
- C** Untung bersih RM10 800
- D** Untung bersih RM11 600

36 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkilangan Soft Toys bagi tahun 2010.

	RM
Kos tetap	8 000
Kos berubah seunit	50
Harga jualan seunit	75

Berapakah unit pengeluaran yang harus dicapai oleh Perkilangan Soft Toys untuk mendapatkan keuntungan sebanyak RM32 000?

- A** 320 unit
- B** 640 unit
- C** 1 280 unit
- D** 1 600 unit

37 Maklumat di bawah diperoleh daripada Kilang Kasut Amri.

	RM
Stok awal bahan mentah	4 000
Belian bahan mentah	50 000
Kos buruh langsung	10 000
Kos buruh tak langsung	4 000
Sewa kilang	2 000
Stok akhir bahan mentah	8 000

Hitungkan kos prima bagi Kilang Kasut Amri.

- A RM62 000
- B RM60 000
- C RM58 000
- D RM56 000

38 Antara berikut, pernyataan manakah yang benar tentang konsep Titik Pulang Modal?

- A Satu tingkat pengeluaran dimana perniagaan dapat memperoleh keuntungan
- B Satu tingkat pengeluaran dimana jumlah hasil sama dengan jumlah kos
- C Satu tingkat pengeluaran dimana perniagaan tidak mengalami kerugian
- D Satu tingkat pengeluaran dimana perniagaan tidak mendapat untung

39 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Zafran pada 31 Disember 2010.

	RM
Stok awal	1 400
Stok akhir	2 200
Kos jualan	7 200
Untung kasar	7 000

Hitungkan kadar pusing ganti stok.

- A 2 kali
- B 4 kali
- C 6 kali
- D 8 kali

40 Apakah kegunaan Nisbah Kecairan kepada sesebuah firma?

- A Untuk mengukur kemampuan firma membiayai tuntutan hutang jangka pendek
- B Untuk membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa bagi sesebuah firma
- C Untuk menunjukkan kecekapan pihak firma dari segi pengurusan stok
- D Untuk menunjukkan kecekapan firma mengurus tunai

KERTAS SOALAN TAMAT